

## ‘PENDIDIKAN UNTUK SEMUA’ UNTUK MENGELAKKAN MURID TERCICIR

**L**ima fokus utama pendidikan negara, iaitu mengupayakan program murid berkeperluan khas dan arahan memperbaiki kemudahan asas sekolah daif, selain melakukan reformasi sistem, reformasi digital dan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Langkah ini selaras visi bertemakan ‘Pendidikan Untuk Semua’ membabitkan empat kelompok teras, iaitu orang kurang upaya (OKU) yang juga murid berkeperluan khas, kumpulan B40, murid dan guru.

Dalam pengumuman, baru-baru ini, beliau menyatakan secara purata sekurang-kurangnya dua kelas untuk pelajar OKU ditambah setiap hari di seluruh negara, menjadikan keseluruhannya 10,200 kelas, bertambah 526 berbanding 9,674 kelas tahun 2019.

Bilangan murid OKU mendaftar masuk sekolah juga meningkat mendadak dengan pertambahan 4,821 orang berbanding 2018, menjadikan jumlah keseluruhan 88,419 murid. Salah satu faktor penyumbang adalah kesedaran ibu bapa untuk memberikan pendidikan terbaik kepada anak mereka.

Sebelum ini kumpulan murid berkeperluan khas kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kita. Kebiasaan berita yang menonjol di muka akhbar atau media massa adalah murid cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum. Jarang sekali golongan murid ini mendapat tempat sewajarnya.

Siapakah sebenarnya kumpulan murid berkeperluan khas itu? Kumpulan ini terdiri daripada individu berkeperluan khas atau kurang upaya. Mereka mengalami kecacatan mental, bermasalah pembelajaran, gangguan emosi dan tingkah laku termasuk gangguan komunikasi (pertuturan dan bahasa), hilang pendengaran, hilang penglihatan atau darjah penglihatan rendah, kecacatan fizikal dan golongan pintar cerdas.



Dalam usaha untuk berlaku adil kepada semua, Kementerian Pendidikan tidak meminggirkan kumpulan murid kurang bernasib baik itu, malah memberikan perhatian istimewa. Mereka dibenarkan mengikuti pendidikan di sekolah harian biasa. Di samping itu disediakan pula peralatan pembelajaran khas dan terkini termasuk bimbingan daripada guru terlatih.

Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan diberi tanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan pendidikan. Bahagian itu wujud sebelum negara mencapai kemerdekaan walaupun ketika itu hanya sebagai unit kecil. Pada peringkat awal tumpuan adalah terhadap murid menghadapi masalah penglihatan dan pendengaran sahaja.

Tumpuan seterusnya terhadap sekolah daif atau serba serbi kurang dari segi kemudahan asas. Kebanyakan sekolah ini jauh di pedalaman atau pulau kecil. Hakikatnya sekolah daif ini tidak mempunyai kelengkapan dan peralatan sekolah secukupnya sama seperti sekolah lain di bandar besar atau luar bandar.

Kekurangan kemudahan ini boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran murid. Tambahan pula kebanyakan sekolah ini tidak mendapat bekalan elektrik dan air bersih secukupnya. Dibimbangi turut terjejas, aspek keselamatan murid ketika berada dalam kawasan sekolah.

Sumber : Bernama, 21 Disember 2019